

17

SOALAN NO : 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]  
TARIKH : 23 NOVEMBER 2017  
SOALAN : 36**

**YB Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan untuk menaik taraf Klinik Inanam, Klinik Manggatal dan Klinik Likas ke taraf poliklinik atau ke taraf hospital memandangkan populasi meningkat secara drastik dan klinik yang ada sekarang tidak dapat menampung keperluan rakyat di kawasan ini lagi.**

**Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan (KKM) prihatin dan sentiasa menaiktaraf Klinik Kesihatan termasuklah Klinik Kesihatan Inanam, Klinik Kesihatan Manggatal dan Klinik Kesihatan Likas di Kota Kinabalu, Sabah.

Klinik Kesihatan Likas telah dinaiktaraf pada tahun 2001 melalui pengubahsuaian dan penambahan bangunan baru untuk kemudahan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak (*Maternal and Child Health Clinic, MCH*).

Pada tahun 2005 pula, bangunan tambahan telah dibina di Klinik Kesihatan Inanam dan Manggatal bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan.

Pada tahun 2014, sebuah bangunan tambahan juga telah dibina di Klinik Kesihatan Inanam bagi menempatkan perkhidmatan pesakit luar termasuk perkhidmatan Pakar Kesihatan Keluarga (*Family Medicine Specialist*), serta perkhidmatan sokongan termasuk Farmasi dan Makmal.

Kerajaan sememangnya sedia maklum akan keperluan untuk menambahbaik ketiga-tiga klinik ini bagi menampung kedatangan pesakit yang semakin meningkat. Walaubagaimanapun memandangkan saiz tapak sedia ada adalah terhad (kurang dari 2 ekar) kerja-kerja menaiktaraf klinik seterusnya sukar dilaksanakan.

Sehubungan itu, KKM sedang dalam proses untuk mengenalpasti tapak bagi pembinaan Klinik Kesihatan baharu yang lebih besar bagi menampung keperluan di kawasan tersebut.